

3.1 WANG DAN BANK

1. Gambar 1 menunjukkan situasi yang berlaku di dalam negara.




HARGA RUNCIT PRODUK PETROLEUM BAGI TEMPOH 25 JULAI 2024 HINGGA 31 JULAI 2024	
RON97 RM3.47/liter	RON95 RM2.05/liter
DIESEL Semenanjung Malaysia RM3.35/liter	DIESEL Sabah, Sarawak & Labuan RM2.15/liter

Gambar 1

Apakah fungsi wang yang berkaitan dengan gambar di atas?

- A Alat perantaraan pertukaran
 - B Alat bayaran tertunda
 - C Alat penyimpan nilai
 - D Alat ukuran nilai
2. Situasi yang manakah menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai ?
- A Encik Khairi membayar RM9 000 sebagai wang pendahuluan untuk membeli kereta baharu.
 - B Encik Ariff Ali membayar RM350 setiap bulan untuk ansuran motosikalnya selama 3 tahun
 - C Puan Zianaton membeli rantai emas pada harga diskaun 65% sempena jualan murah bulan Syawal oleh Sarah Jewel Sdn. Bhd.
 - D Encik Hakimi mengunjungi lebih daripada tiga gerai komputer riba untuk membandingkan harga komputer riba sebelum membelinya.
3. Situasi manakah yang menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai?
- A Encik Adam membayar RM5 000 sebagai deposit untuk kereta baharu.
 - B Encik Nabil membayar RM250 setiap bulan untuk motosikalnya selama dua tahun
 - C Encik Irfan mengunjungi lebih daripada 10 gerai komputer untuk membandingkan harga komputer sebelum membeli
 - D Puan Balqis membeli barang kemas pada harga diskaun 70% sempena jualan penghabisan stok oleh Intan Jewel Sdn.Bhd

4. Gambar 3 berkaitan dengan fungsi wang.



Gambar 3

Fungsi wang di atas adalah sebagai alat

- A ukuran nilai
 - B simpanan nilai
 - C bayaran tertunda
 - D perantaraan pertukaran
5. Pernyataan yang manakah betul tentang fungsi wang sebagai alat simpanan nilai?
- A Pembelian komputer riba baru dengan harga mahal
 - B Penetapan harga perabot jati yang diimport dari Indonesia
 - C Proses menjelaskan bayaran ansuran kereta dalam tempoh 9 tahun
 - D Mencarum ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
6. Maklumat di bawah berkaitan satu urusaniaga dalam ekonomi.

Mat Kalis mengeluarkan wang tabungan sebanyak RM 500 untuk membuat bayaran bulanan motorsikal kepada Kedai Motor Suria

Apakah fungsi wang yang berlaku dalam situasi di atas?

- A. Alat ukuran nilai
- B. Alat simpanan nilai
- C. Alat bayaran tertunda
- D. Alat perantaraan pertukaran

7. Seorang nelayan menjual hasil tangkapan kepada pemborong ikan di pasar. Dengan pendapatan yang diperolehi, nelayan tersebut membeli 2 kg gula dan 10 kg beras untuk keperluan hariannya.

Apakah fungsi wang tersebut?

- A Alat ukuran nilai
- B Alat bayaran tertunda
- C Alat perantaraan pertukaran
- D Alat simpanan nilai

8. Situasi yang manakah menunjukkan fungsi wang sebagai alat bayaran tertunda.

- A Cik Azua membayar mesin basuh RM100 sebulan.
- B Pak Jais memotong sebahagian gajinya ke akaun Tabung Haji.
- C Mak Cik Leha membuat bayaran terus barang keperluan yang dibelinya.
- D Puan Asma pergi ke beberapa buah kedai elektrik untuk banding harga periuk tekanan.

9. Maklumat berikut berkaitan dengan kemudahan pembayaran oleh institusi kewangan.

Puan Zahirah adalah seorang Pengurus Bahagian Sumber Manusia di Syarikat Suria Sdn.Bhd. Setiap bulan beliau akan membuat bayaran gaji kepada pekerja syarikat tersebut seramai 1000 orang.

Perkhidmatan bank perdagangan manakah yang sesuai digunakan oleh Puan Zahirah ?

- A Perintah sedia ada
- B Pindahan kredit
- C Debit langsung
- D Draf bank

10.



Gambar 1

Fungsi yang manakah betul berkaitan dengan logo tersebut?

- I Memberikan pinjaman
- II Menyediakan khidmat insurans
- III Jurubank kepada bank perdagangan
- IV Mengawal kestabilan nilai mata wang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Pilih pernyataan yang betul tentang fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan.

- A Mencetak wang negara
- B Menjaga rizab berkanun
- C Mengurus hutang negara
- D Menjadi sumber pinjaman terakhir

12. Antara yang berikut, yang manakah betul tentang fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan

- I Mengurus pertukaran wang asing
 - II Memberi pendahuluan sementara
 - III Mengawal nisbah rizab berkanun
 - IV Menjadi sumber pinjaman terakhir
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

13. Maklumat berikut menunjukkan perkhidmatan deposit bank perdagangan.

- Penyata akaun bank dihantar setiap bulan
- Dikenakan caj perkhidmatan bank

Pernyataan yang manakah betul tentang perkhidmatan tersebut?

- A Simpanan mempunyai tempoh matang tertentu
- B Faedah dibayar mengikut tempoh simpanan
- C Menikmati kemudahan pinjaman overdraf
- D Pelanggan diberikan buku akaun

14. Apakah peranan yang dimainkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) selaku jurubank kepada bank perdagangan?

- A. Menjaga rizab berkanun
- B. Menyimpan dan mengurus akaun
- C. Menguruskan kadar pertukaran asing
- D. Menguruskan hutang bank perdagangan

15. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Mesra Berhad.

Syarikat Mesra Berhad mempunyai hampir 10 000 tenaga kerja yang menjalankan tugas mengikut kepakaran masing-masing. Pada setiap bulan, semua pekerja akan menerima upah yang dimasukkan terus ke akaun mereka. Ini memudahkan mereka menerima upah pada masa yang telah ditetapkan.

Kemudahan manakah yang telah digunakan oleh majikan Syarikat Mesra Berhad?

- A. Draf bank
- B. Debit langsung
- C. Pindahan kredit
- D. Perintah sedia ada

16. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis perkhidmatan yang disediakan oleh bank perdagangan.

Puan Insyirah mempunyai baki sebanyak RM 5000 dalam akaun semasa di Bank Damai Berhad. Bank Damai Berhad memberikan kemudahan overdraf sebanyak RM 15 000 dengan mengenakan faedah sebanyak 3% setahun. Puan Insyirah telah mengeluarkan wang tunai sebanyak RM 10 000 bagi menampung keperluan modal perniagaannya.

Berapakah jumlah yang perlu dibayar semula oleh Puan Insyirah untuk kemudahan tersebut selama setahun ?

- A. RM 5000
- B. RM 5150
- C. RM 5450
- D. RM 10 000

17. Maklumat berikut berkaitan dengan satu perkhidmatan yang disediakan oleh bank perdagangan.

- Tidak memerlukan cagaran
- Dapat digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai

Apakah perkhidmatan tersebut?

- A Overdraf
- B Draf bank
- C Pindahan kredit
- D Pinjaman persendirian

18. Maklumat berikut berkaitan dengan satu kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan.

Setiap bulan Syarikat Reffa Berhad membayar gaji pekerja dengan memasukkan ke dalam akaun setiap pekerjaanya.

Apakah kemudahan tersebut?

- A Overdraf
- B Debit langsung
- C Pindahan kredit
- D Perintah sedia ada

19. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kemudahan pembayaran bank perdagangan.

Arahan daripada pemegang akaun tabungan untuk membuat bayaran caruman insurans setiap bulan pada tarikh yang telah ditetapkan

Apakah kemudahan pembayaran yang berkaitan dengan maklumat di atas?

- A. Draf bank
 - B. Debit langsung
 - C. Pindahan kredit
 - D. Perintah sedia ada
20. Antara berikut yang manakah menerangkan peranan bank pusat dalam mengurus hutang negara?
- I Menerbitkan sijil pelaburan
 - II Menjual surat jaminan kerajaan
 - III Memberi pendahuluan sementara
 - IV Menjadi penasihat pelaburan kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
21. Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi bank perdagangan.

Encik Jaya telah membeli sebuah rumah berharga RM300 000 melalui pinjaman bank dan perlu menjelaskan bayaran ansuran pinjaman sebanyak RM1 700 pada setiap 28 haribulan.

Apakah bentuk kemudahan tersebut?

	Jenis Pembiayaan	Kemudahan Pembayaran
A	Pinjaman peribadi	Pindahan kredit
B	Pinjaman bercagar	Perintah sedia ada
C	Pinjaman sewa beli	Debit langsung
D	Pinjaman overdraft	Draft bank

22. Antara yang berikut, kaedah manakah yang dilakukan oleh bank pusat untuk menstabilkan nilai mata wang?
- I Mewujudkan sandaran minimum dengan memperuntukkan 80.59% dalam bentuk emas
 - II Menjual Ringgit Malaysia dan membeli Dolar Amerika ketika nilai Ringgit Malaysia rendah
 - III Membuat pelaburan di dalam dan luar negara bagi meningkatkan pendapatan kepada negara
 - IV Menggunakan alat dasar kewangan bagi memastikan kadar inflasi berada pada paras terkawal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

23. Encik Amin membeli sebuah kereta Proton Persona dengan bayaran ansuran sebanyak RM600 sebulan.
Apakah perkhidmatan bank perdagangan yang memudahkan Encik Amin untuk membuat pembayaran ansuran kereta tersebut?
- A Draf bank
 - B Debit langsung
 - C Pindahan kredit
 - D Perintah sedia ada
24. Bagaimanakah cara bank pusat menstabilkan nilai Ringgit Malaysia?
- I Mengawal kestabilan ekonomi
 - II Mengeluarkan mata wang negara
 - III Membeli Ringgit Malaysia apabila nilai Ringgit Malaysia rendah
 - IV Menggunakan alat dasar kewangan untuk memastikan kadar inflasi terkawal
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
25. Penyataan manakah yang menerangkan prinsip Takjiri dalam Perbankan Islam?
- A En Fadli boleh mengambil alih harta disewa
 - B Puan Aminah membeli rumah dengan pembayaran tertangguh
 - C Pihak bank sebagai pemegang amanah sijil saham milik Puan Puteri
 - D Cik Nely menyimpan wang sebanyak RM2000 untuk tempoh setahun
26. Apakah fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan?
- I Mengubah kadar rizab berkanun
 - II Memberi pendahuluan sementara
 - III Mengurus kadar pertukaran asing
 - IV Menjadi sumber pinjaman terakhir
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27. Pernyataan yang manakah betul tentang deposit semasa?
- A Pengeluaran wang mengikut tempoh matang yang ditetapkan
 - B Pelanggan disediakan kemudahan pinjaman overdraf
 - C Penyimpanan dibuat dalam tempoh masa tertentu
 - D Pemegang akaun mendapat buku simpanan
28. Gambar 2 menunjukkan contoh alat perantaraan pertukaran dalam ekonomi.



Gambar 2

- Pernyataan yang manakah betul tentang gambar di atas?
- A Merupakan wang sah dalam urus niaga bernilai besar
 - B Perlu mematuhi penetapan sandaran minimum
 - C Menjadi alat pertukaran yang diterima umum
 - D Pemilik dikenakan caj atas perkhidmatan
29. Rajah berikut menunjukkan dua jenis pinjaman bank perdagangan.



Apakah X?

- A Memerlukan penjamin
- B Dikenakan kadar faedah
- C Peminjam mestilah berpendapatan tetap
- D Hartanah diperlukan untuk dapat pinjaman

30. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri bagi suatu prinsip perbankan Islam.

- Satu bentuk perkongsian antara usahawan dan pihak bank.
- Untung dibahagi mengikut nisbah yang dipersetujui bersama.

Pernyataan tersebut merujuk kepada prinsip

- A Bai Bithaman Ajil
- B Mudharabah
- C Wadiah
- D Takjiri

3.2 PENDAPATAN INDIVIDU

31. Padanan yang manakah betul ?

	Faktor Pemilihan	Situasi
A	Upah	Ammar meninggalkan kerjayanya sebagai jurutera di syarikat pembinaan untuk menjawat jawatan pegawai tadbir di Putrajaya.
B	Kelayakan akademik	Cik Zainab memilih kerja sebagai pramugari syarikat penerbangan walaupun memiliki Diploma Kewangan.
C	Waktu bekerja	Adibah seorang ibu tunggal kepada empat orang anak menjalankan perniagaan batik secara dalam talian.
D	Jaminan kerja	Aqil meletak jawatan sebagai kerani untuk menjalankan perniagaan.

32. Apakah pekerjaan yang tergolong dalam sektor ketiga?

- A Pekerja ladang getah
- B Pengurus pengeluaran
- C Juruteknologi makanan
- D Pegawai syarikat pemasaran

33. Maklumat di bawah berkaitan dengan jenis pendapatan individu

$$\text{Pendapatan Individu} = \text{Upah} + \text{Sewa} + \text{Faedah} + \text{Dividen} + \text{X} + \text{Bayaran Pindahan}$$

Situasi manakah yang menerangkan X ?

- A Cik Batrisyia memenangi baucer buku daripada Kedai Buku Bijak bernilai RM120
 - B Puan Hanani menerima RM3 300 atas penggunaan satu lot bangunan kedai miliknya
 - C Puan Bazlin memperoleh RM400 sebulan atas jualan kerepek popia simpulnya
 - D Puan Aqmal mendapat RM1 950 setahun bagi akaun Amanah Saham Bumiputera
34. Contoh pekerjaan yang manakah tergolong dalam sektor kedua
- A Pemborong ubi keledek
 - B Pengurus kilang kerepek
 - C Pegawai pemasaran kerepek
 - D Penyelia tapak lading ubi keledek
35. Maklumat yang berikut berkaitan dengan pendapatan individu.

Pendapatan diterima tanpa memberi sebarang sumbangan dalam ekonomi.

- I Upah
 - II Biasiswa pendidikan
 - III Pencen pesara kerajaan
 - IV Keuntungan perniagaan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
36. Antara yang berikut, yang manakah faedah sampingan dalam faktor pemilihan pekerjaan?
- I Elaun Perumahan
 - II Faedah persaraan
 - III Prospek pekerjaan
 - IV Suasana tempat kerja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

37. Encik Farid bekerja sebagai Penolong Akauntan di Pejabat Tanah dan Galian. Beliau menyimpan sebanyak RM300 setiap bulan di Lembaga Tabung Haji sebagai langkah persediaan untuk kecemasan dan menunaikan haji.

Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh Encik Farid.

- A Upah dan faedah
 - B Upah dan dividen
 - C Untung dan faedah
 - D Untung dan dividen
38. Jenis pekerjaan yang manakah tergolong dalam sektor ketiga?

- I Pengurus kilang
- II Kaunselor sekolah
- III Tukang masak hotel
- IV Pekerja ladang tebu

- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
39. Puan Intan menyimpan sebanyak RM4 500 dalam akaun simpanan di sebuah bank perdagangan pada 1 April 2023 dengan kadar faedah 2.5% setahun.

Berapakah faedah yang diperolehi oleh Puan Intan pada 31 Disember 2023?

- A RM28.13
 - B RM84.38
 - C RM93.75
 - D RM112.50
40. Jadual di bawah menunjukkan pendapatan Puan Amy pada bulan Januari 2024.

Butiran	RM
Upah	3000
Pemberian anak	300
Sumbangan tunai rahmah	700
Dividen saham	300

Berapakah pendapatan faktor tidak produktif Puan Amy pada bulan tersebut?

- A. RM 3 300
- B. RM 3 000
- C. RM 1 300
- D. RM 1 000

41. Maklumat berikut berkaitan dengan keluarga Pak Idris.

Pak Idris bekerja sebagai seorang petani. Isterinya, Mak Andak menjalankan perusahaan kerepek pisang secara kecil-kecilan. Mereka mempunyai dua orang anak yang bernama Farid yang bekerja sebagai guru dan anak bongsunya Hanum baru bergelar graduan bidang kejuruteraan mekanikal.

Siapakah yang terlibat di dalam pekerjaan sektor kedua?

- A Farid
- B Hanum
- C Pak Idris
- D Mak Andak

42. Pilih pasangan yang betul.

	Sektor ekonomi	Contoh pekerjaan
A	Ketiga	Pengurus ladang kelapa sawit
B	Kedua	Pengurus kilang minyak kelapa sawit
C	Kedua	Pengurus jualan minyak sawit bertapis
D	Utama	Pengurus pengangkutan lori tangki minyak sawit

43. Pernyataan yang manakah betul tentang faedah sampingan dalam pemilihan pekerjaan?

- A Suasana tempat bekerja yang selesa
- B Tempoh masa untuk ke tempat kerja cepat
- C Peluang kenaikan pangkat dalam tempoh bekerja
- D Kemudahan pengangkutan ke tempat kerja disediakan

44. Pilih pasangan yang betul.

	Contoh pekerjaan	Sektor ekonomi
A	Penyelia kilang penapisan minyak mentah	Ketiga
B	Pemandu lori tangki minyak petrol	Ketiga
C	Pekerja di pelantar minyak mentah	Kedua
D	Penguasa stesen minyak petrol	Kedua

45. Maklumat berikut berkaitan dengan upah wang dan harga dua barang dalam pasaran.

Upah Wang (RM)	Harga Barang X (RM)	Harga Barang Y (RM)
5 000	15.00	10.00

Apakah kesan kepada isi rumah apabila harga purata barang berubah kepada RM15?

- A Pendapatan boleh guna berkurang
- B Upah benar pengguna berkurang
- C Tabungan pengguna meningkat
- D Kepuasan pengguna meningkat

46. Pekerjaan manakah berkaitan dengan sektor kedua?

- A Doktor gigi
- B Juru terbang
- C Tukang rumah
- D Penternak ayam

3.3 PENGGUNAAN PENDAPATAN INDIVIDU

47. Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan dan potongan wajib Puan Malisa bagi tempoh satu bulan.

Butiran	RM
Zakat	150
Kwsp	200
Insuran	60
Sewa rumah	400
Cukai pendapatan	55

Berapakah jumlah potongan wajib Puan Malisa?

- A RM 405
- B RM 410
- C RM 455
- D RM 465

48. **Jadual 4** menunjukkan perbelanjaan dan potongan wajib Encik Danish.

Butiran	RM
Zakat	150
Cukai Pendapatan	55
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	200
Insurans nyawa	60
Sewa	400

Jadual 4

Berapakah jumlah potongan wajib?

- A RM405
 - B RM410
 - C RM455
 - D RM465
49. **Jadual 5** menunjukkan pendapatan dan pembayaran Encik Imran dalam setahun

Butiran	Jumlah(RM)
Pendapatan	35 800
Caruman KWSP	3 850
Cukai pendapatan	380
Bayaran zakat	360
Premium insuran hayat	1 200

Jadual 5

Berapakah pendapatan boleh guna Encik Imran pata tahun tersebut?

- A RM31 570
 - B RM31 210
 - C RM30 370
 - D RM30 010
50. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan ciri barang keperluan?
- A. Pengguna mempunyai pilihan barang
 - B. Dipengaruhi oleh saiz pendapatan individu
 - C. Dimiliki untuk keselesaan kehidupan harian
 - D. Perlaksanaan dasar kawalan harga maksimum

51. Jadual 4 berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Fakrul pada tahun 2023.

Pendapatan dan potongan	RM
Gaji	40 000
Elaun	500
KWSP	3360
Insurans nyawa	400
Cukai pendapatan	150
Zakat	180
Bil air	130

Jadual 4

Berapakah jumlah potongan wajib Encik Fakrul pada tahun tersebut?.

- A RM 3,510
B RM 3,690
C RM 4,090
D RM 4,220
52. Jadual 4 menunjukkan penerimaan dan pembayaran oleh Puan Azi dalam tempoh sebulan.

Butiran	RM
Gaji	5 000
Sewa diterima	500
Potongan cukai pendapatan berjadual	110
Premium insurans kenderaan	250
KWSP	550
Zakat	120

Jadual 4

Berapakah pendapatan boleh guna Puan Azi pada bulan tersebut?

- A RM4 470
B RM4 590
C RM4 720
D RM4 830